



MOHAMED Asin Dollah (dua, kiri) bertukar dokumen Letter of Intent (LOI) bersama Abdul Nasser Abu Kassim sempena Majlis Menandatangani LOI antara USIM dan AirAsia di USIM di Nilai, Negeri Sembilan, semalam. Turut serta Pendaftar USIM, Muhammad Haizuan Rozali (kiri) dan Ketua Pembangunan Kerajaan dan Timur Tengah AirAsia Berhad, Zulkeefli Mohd. Idris (kanan). - BERNAMA

USIM, AirAsia tandatangan surat hasrat

NILAI 3 Mei - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan AirAsia Bhd. hari ini menandatangani surat hasrat (LOI) yang akan membolehkan kakitangan universiti berkenaan menikmati pelbagai faedah dari syarikat penerbangan tambang murah itu.

Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah berkata, antaranya ialah tiada penalti dikenakan jika berlaku perubahan tarikh dan masa dalam tempoh 24 jam sebelum penerbangan.

"Kakitangan USIM juga kini akan menikmati Waran Perjalanan Udara Awam seperti yang dinikmati penjawat awam, yang sekali gus memudahkan urusan perjalanan udara.

"Dengan jumlah kakitangan seramai 1,300 orang, LOI ini amat penting kerana ia juga akan menjimatkan perbelanjaan untuk perjalanan udara kakitangan USIM, memandangkan USIM sendiri tidak mempunyai sumber kewangan dan bergantung kepada peruntukan kerajaan," katanya semasa berucap pada

majlis itu di sini hari ini.

Mohamed Asin berkata AirAsia juga diharap dapat memanjangkan faedah lain kepada penuntut USIM memandangkan setiap tahun universiti itu mempunyai 30 program 'Global Islamic Student Outreach' ke 30 negara.

Sementara itu, AirAsia yang diwakili Ketua Serantau Pembangunan Kerajaan dan Timur Tengahnya, Datuk Abdul Nasser Abu Kassim berkata, LOI ini diharap dapat membantu USIM mengurangkan kos penerbangan kakitangannya. - BERNAMA